Utusan Setiausaha Kehormat Sempena Mesyuarat Agung PEBARA

30 Mei 2024

Assalamualaikum wbt.

Semoga saudara saudari dilimpahkan rezeki dan kesihatan yang baik serta dipermudahkan segala urusan yang dikerjakan.

Setelah lebih 24 tahun kewujudan PEBARA sejak didaftarkan pada 17 November 2000, PEBARA telah mengalami pelbagai perubahan termasuk peningkatan bilangan keahliannya. Pada hari ini PEBARA memiliki seramai 2043 orang ahli setakat April 2024.

Alhamdulliah keluarga kita makin besar. Walaubagaimanapun, ia juga membawa maksud bilangan korum bagi mesyuarat Agung kita memerlukan penyertaan yang besar juga iaitu seramai minima 505 orang ahli atau ¼ daripada bilangan keahlian terkini dimana "Cut-off members" diambil setakat Mac 2024 iaitu seramai 2018 selain kos perbelanjaan yang terlibat juga dibesarkan.

Pada tahun ini, kita akan mengadakan Mesyuarat Agung Tri-tahunan. Kepada Semua ahli Kesatuan Pegawai Pegawai Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (PEBARA), saudara saudari dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Agung Kesatuan kita kali ke 10 yang akan diadakan pada 8 Jun 2024 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.

Sebagai ahli PEBARA, Kesatuan berharap para ahli dapat menjalankan tanggungjawab dalam menentukan kehadiran saudara saudari ke Mesyuarat Agung Tri-tahunan yang dijalankan sekali dalam tempoh 3 tahun bagi mestikan mandat dapat diperolehi dan kesatuan dapat berfungsi dengan baik dan kepentingan kesatuan khususnya ahlinya dilindungi dengan sempurna.

Kehadiran saudara saudari ke mesyuarat agung adalah penting kerana:

1. Pembaharuan Maklumat : Saudara saudari akan mendapat maklumat terkini tentang perkembangan dalam PEBARA, termasuk perubahan sama ada undang-undang pekerja, perjanjian kolektif dan isu-isu terkini yang berkaitan.

2. Penyertaan Demotratik : Mesyuarat Agung adalah platform untuk menyuarakan pendapat dan mengemukakan cadangan. Kehadiran saudara saudari memastikan suara saudara saudari didengar dalam proses membuat keputusan.

3. Pemilihan Jawatankuasa : Mesyuarat Agung juga adalah masa untuk memilih wakil-wakil kesatuan dan jawatankuasa yang akan mewakili kepentingan saudara saudari. Tanpa pemilihan dan mandat yang diterima untuk mewakili saudara saudari, pihak majikan boleh menidakkan perwakilan untuk berunding dengan mereka.

4. Pengambilan Keputusan Berkesan: Untuk mencukupkan korum mesyuarat, kehadiran ahli-ahli kesatuan adalah penting. Dengan kecukupan korum, mesyuarat agung dapat mengambil keputusan yang sah dan berkesan bagi kesatuan sama ada melibatkan Pemilihan Jawatankuasa Kerja, Pindaan Peraturan atau Perlembagaan, Kelulusan Budget, Mewakili keahlian untuk sesi rundingan dengan Majikan, aktiviti-aktiviti kesatuan sekerja dan banyak lagi.

5. Mesyuarat Agung juga bukan semata-mata hanya mesyuarat kerana ramai pihak berkepentingan melihat kepada aktiviti kesatuan kita dan masing-masing merangka strategi dalam berurusan dengan kesatuan kita dimasa hadapan. Justeru, para ahli amat diperlukan dalam perjuangan bersama-sama dalam mengukur kekuatan sesuatu kesatuan sekerja tersebut demi melindungi kepentingan kesatuan dan para ahlinya.

Oleh itu, kehadiran saudara saudari adalah kunci untuk memastikan kekuatan dan kepentingan PEBARA dilindungi dengan sempurna dan saya berharap para ahli sekalian dapat meluangkan masa pada 8 Jun 2024 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur untuk menjayakan mesyuarat agung tri-tahunan yang akan berjalan dan memastikan keutuhan dan perpaduan kita akan memperkuatkan lagi PEBARA.

Sekian, terima kasih

Yang Benar

MOHD HIDZIR BIN MOHD YUSSOF

Setiausaha Kehormat PEBARA

MOHD HIDZIR BIN MOHD YUSSOF
PEBARA
SETIAUSAHA KEHORMAT